

25 MAR 2003

MUSA ANGKAT SUMPAH JAWATAN KETUA MENTERI KHAMIS INI

KOTA KINABALU, 25 Mac (Bernama) -- Ketua Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman akan mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri Sabah yang ke-13, Khamis ini.

Majlis mengangkat sumpah itu akan diadakan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Ahmadshah Abdullah di Istana Negeri di sini pada pukul 10 pagi, kata Setiausaha Sulit kepada Yang Dipertua Negeri, Matusin Sunsang.

Musa, 52, yang juga Menteri Kewangan Sabah, menggantikan Datuk Chong Kah Kiat setelah tempoh perkhidmatan dua tahun Chong selaku Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran jawatan itu, tamat.

"Majlis mengangkat sumpah menteri-menteri kabinet negeri yang dijadualkan berlangsung pada Jumaat, 28 Mac, telah ditunda kepada Selasa, 1 April di Istana Negeri," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pelantikan Musa, yang mewakili Umno mengikut sistem penggiliran itu, diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini.

-- BERNAMA

JS LAT